

# Prinsip Etika Islam dalam Komoditi Kontrak Derivatif

Muhammad Yusof Hakimi Kanafiah  
Kamarul Azmi Jasmi

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UTM, muhammadyusofhakimi@graduate.utm.my; qamar@utm.my

## Suggested Citation:

Kanafiah, Muhammad Yusof Hakimi; Jasmi, Kamarul Azmi (2020). Prinsip Etika Islam dalam Komoditi Kontrak Derivatif. Dlm *Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan, 2(2) 2020*, 12 May 2020, Dewan Maya, Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UTM, hal. 79-90. eISBN: 978-967-2401-21-6.

## Abstract

Prinsip etika Islam adalah perkara yang sangat penting dalam komoditi kontrak derivatif yang menjadi isu dalam masyarakat kini. Etika dalam Islam sangat penting dalam perkara ini untuk pembangunan dan kebaikan individu amnya dan masyarakat Islam khususnya. Dari pandangan dunia Islam, etika adalah berkaitan dengan isu yang betul dan salah serta kod etika dalam pasaran untuk memastikan amalan dalam perniagaan komersial dengan betul dan menghindarkan daripada tindakan yang tidak beretika. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis tentang konsep etika Islam berkaitan hukum dan isu dalam komoditi kontrak derivatif. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tentang isu syariah dalam derivatif kontrak daripada sumber sekunder seperti jurnal, artikel, buku dan literasi berkaitan. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat empat jenis derivatif kontrak dan lima isu syariah dalam kontrak derivatif yang dibincangkan. Empat jenis kontrak derivatif ialah kontrak pasaran hadapan, pasaran akan datang, opsi dan swap. Manakala isu syariah pula ialah isu gharar, judi, riba, spekulasi dan konsep 'maal' dan bayaran premium. Kata Kunci: etika, derivatif kontrak, gharar, konsep 'maal' dan bayaran premium, opsi, swap.

## References

- Ahmad, Muhammad Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Ahmad, Wan Marhaini Wan, Rahman, Asmak Abd., Ali, Nor Aini, *et al.* 2004. "Riba Dan Gharar Dalam Insurans: Satu Analisis Fiqh". *Jurnal Fiqh*.
- al-Amine, Muhammad al-Bashir Muhammad. 2008. *Risk Management in Islamic Finance: An Analysis of Derivatives Instruments in Commodity Markets*, . Jld. 1: Brill, nijhoff.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulallah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi - Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- al-Fatani, Muhammad Isma'il Daud. 1914. *Matla' al-Badrayn wa Majma' al-Bahrayn*. Pulau Pinang, Malaysia: Sulaiman Press.
- Al-Ghazali, Muhammad. 1998. *Ihya' 'Ulum al-din*. Jld. 1-4. Beirut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah.
- Al-Mawardi, Abu al-Hasan 'Ali. 1994. *Al-Hawi al-Kabir*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Muhalli, Syamsuddin. 1995. *Khasiyat al-Qulaiby- Umairah A'la Minhaji al-Thalibin fi fikhi al-Shafii*. Dam-syiq: Dar al-Fikr.
- Ali, Rosalan, Noryati Ahmad, & Ho, Soke Fun. 2007. *Introduction to Malaysian derivatives*. Shah Alam, Selangor: University Publication Centre, Universiti Teknologi MARA (UiTM).
- Bacha, Obiyathulla Ismath. 2012. *Financial derivatives : markets and applications in Malaysia*. 3 ed. McGraw-Hill: Shah Alam : McGraw-Hill (Malaysia).
- Bakar., Mohd. Daud. 1998. *Pasaran hadapan komoditi minyak sawit mentah: Perspektif Syari'ah*.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Chance, Don M. 2008. *Essays in Derivatives: Risk-Transfer Tools and Topics Made Easy*. 2 ed. New jersey.
- Chance, Don M., & Brooks, Roberts. 2015. *Introduction to Derivatives and Risk Management*. 10 ed. Boston, USA Cengage Learning.

- Chorofas, & N., Dimitris. 2008. *Introduction to Derivatives Financial Instruments: Options, Futures, Forward, Swap and Hedging*. New York: McGraw-Hill.
- Danila, Nevi, & E., Jeffers Agatha. 2009. "derivatives: an Islamic perspective". *Journal of International Finance and Economics*.
- Gunarsa, Surya Muhammad. 2019. "Kontrak Berjangka Komoditas Emas Sebagai Instrumen Transaksi Derivatif dalam Kajian Hukum Ekonomi Syariah". *jurnal hukum*, 2. doi: DOI: 10.22437/ujh.2.1.95-117
- hull, john c. 2014. *Options, futures & other derivatives*. 9 ed. New Jersey: Pearson.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2016. Pembangunan Akhlak. Dlm. Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam*. Edisi Pertama ed., hlm. 99-100. Skudai Johor:: Fakulti Tamadun Islam UTM & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES).
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2017. *Bicara Buku: Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlak*. Kertas Kerja dalam Bicara Karya. Perpustakaan Sultanah Zanariah, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019. *Ciri Keburukan dan Kebajikan: Surah al-Baqarah (2: 174-177)*. Kertas Kerja dalam Siri 33: Program Budaya al-Quran, 31hb Oktober 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2020. *Ciri Keburukan dan Kebajikan: Surah al-Baqarah (2: 174-177)*. Jld. 1-XX. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Mustari, Mohd, & Mohamed, Ahmad Kilani. 2004. "Pendidikan Akhlak kepada Allah SWT: Nadi Penggerak Pembangunan Peradaban Insan".
- Kamali, M.H. 2000. *Islamic Commercial Law: An Analysis of Futures and Options*. Islamic Texts Society.
- Khambali@Hambali, Khadijah binti Mohd. 2000. "konsep sila dan akhlak : satu analisis awal". *Afkar*, 1.
- Loader, David. 2005. *Clearing and Settlement of Derivatives*. 1st ed. Butterworth-Heinemann.
- Malik, Anas. 2004. *Muwatta'*. Muhammad Mustafa al-A'zami (Ed.). Al-Imarat: Mu'assasah Zayid ibn Sultan Ali Nihyan li al-A'mal al-Khairiyyah wa al-Insaniyyah.
- Mohd. Hairudin, Amin, & Kamarul Azmi, Jasmi. 2011. *Sekolah Agama: Penjana Generasi Berakhlak*. Ed. 1. ed. Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia: Penerbit UTM Press, Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhamad, Hilman, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2013, 17-18 September 2013. *Penerapan Akhlak Islamiah dalam P&P Guru Matematik di Daerah Kulajaya, Johor: Satu Kajian Rintis*. Kertas Kerja dalam Seminar Pertama Pendidikan dan Penyelidikan Islam [SePPIM'13]. The Main Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad Akram Khan. 1988. "Commodity Exchange And Stock Exchange In An Islamic Economy". *IIUM Journal of Economics and Management*, 2.
- Muslim, Abu al-Husayn. t.th. *Al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar bi Naqli al-'Adli ila Rasulullah SAW*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi.
- Muslim, Abu al-Husain. t.th. *Al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar bi nakli al-'Adli 'ala Rasulullah s.a.w*. Muhammad Fuad al-Baqi (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Dar 'hya' al-Turash al-'Araby.
- Naughton, S., & Naughton, T. . 2000. "Religion, Ethics and Stock Trading: The Case of an Islamic Equities Market.". *Journal of Business Ethics*.
- Nordin, Nadhirah, Mustafa Afifi Ab. Halim, & Azlin Alisa Ahmad. 2015. "Islamic Justifications of Foreign Exchange Options Contract as a Tool of Risk Management.". *International Business Management*, 9, 1455-1462.
- Obaidullah, Mohammed. . 2011. "FINANCIAL CONTRACTING IN CURRENCY MARKETS: AN ISLAMIC EVALUATION. ".
- Syauqi, D. 2004. *Al-Mu'jam al-Wasit*. Al-Qahirah: Maktabah al-Syarq wa al-Dauliyyah.
- woelfel, Charles J. 1995. *Encyclopedia of Banking and Finance*. 10 ed. Probus Professional Pub: Probus Professional Pub

# PRINSIP ETIKA ISLAM DALAM KOMODITI KONTRAK DERIVATIF

Muhammad Yusof Hakimi Kanafiah  
Kamarul Azm Jasmi

Akademi Tamadun Islam  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Teknologi Malaysia  
muhammadyusofhakimi@graduate.utm.my, qamar@utm.my

## Abstract

*Prinsip etika Islam adalah perkara yang sangat penting dalam komoditi kontrak derivatif yang menjadi isu dalam masyarakat kini. Etika dalam Islam sangat penting dalam perkara ini untuk pembangunan dan kebaikan individu amnya dan masyarakat Islam khususnya. Dari pandangan dunia Islam, etika adalah berkaitan dengan isu yang betul dan salah serta kod etika dalam pasaran untuk memastikan amalan dalam perniagaan komersial dengan betul dan menghindarkan daripada tindakan yang tidak beretika. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis tentang konsep etika Islam berkaitan hukum dan isu dalam komoditi kontrak derivatif. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tentang isu syariah dalam derivatif kontrak daripada sumber sekunder seperti jurnal, artikel, buku dan literasi berkaitan. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat empat jenis derivatif kontrak dan lima isu syariah dalam kontrak derivatif yang dibincangkan. Empat jenis kontrak derivatif ialah kontrak pasaran hadapan, pasaran akan datang, opsi dan swap. Manakala isu syariah pula ialah isu gharar, judi, riba, spekulasi dan konsep 'maal' dan bayaran premium.*

Kata Kunci: *etika, derivatif kontrak, gharar, konsep 'maal' dan bayaran premium, opsi, swap.*

## PENGENALAN

Etika mempunyai makna yang sama dengan akhlak. Etika dalam bahasa maknanya sebagai perangai atau kebiasaan (Jasmi, 2016, 2017; Jasmi *et al.*, 2004; Mohd. Hairudin & Kamarul Azmi, 2011; Muhamad & Jasmi, 2013). Sedangkan menurut istilah yang dikatakan oleh Imam Al-Ghazali (1998) sebagai, "moral adalah syarat yang terpahat dalam diri yang memperlihatkan perlakuan dengan mudah tanpa perlu berfikir dan penyelidikan. Perbuatan itu dipanggil watak yang mulia apabila baik dan terpuji niat seseorang mengikut 'syara' dan 'aql'. Sebaliknya apabila ia berlaku kepada tingkah laku yang buruk, ia dipanggil watak yang tidak baik (Jasmi, 2019, 2020). Umat Islam wajib mempunyai etika dan sopan yang baik, sebagaimana Allah SWT menjelaskan dalam al-Quran:

وَعِبَادُ الرَّحْمَنِ الَّذِينَ يَمْشُونَ عَلَى الْأَرْضِ هَوْنًا وَإِذَا خَاطَبَهُمُ الْجَاهِلُونَ قَالُوا سَلَامًا ﴿٦٣﴾

Maksud: *Dan hamba (Allah) al-Rahman (yang diredai-Nya), ialah mereka yang berjalan di bumi dengan sopan santun, dan apabila orang yang berkelakuan kurang adab, hadapkan kata-kata kepada mereka, mereka menjawab dengan perkataan yang selamat dari perkara yang tidak diingini; (63)*

(Surah *al-Furqan*, 25: 63)

Satu hadis yang diriwayatkan oleh Mu'az bin Jabal bahawa Rasulullah SAW bersabda (Ahmad, M. H., 2001: 21988):

يَا مُعَاذُ، أَتَّبِعِ السَّيِّئَةَ الْحَسَنَةَ تَمَحُّهَا، وَخَالِقِ النَّاسَ بِمُخْلِقِ حَسَنٍ.

Maksud: *Wahai Mu'az ikutilah keburukan dengan kebaikan kerana (kebaikan) memadamnya (keburukan). Dan sebaik-baik manusia ialah yang memiliki akhlak yang baik.*

(Ahmad)

Beberapa sarjana Islam mengenal pasti etika dalam perspektif Islam adalah undang-undang dan peraturan yang mengatur tingkah laku manusia, yang ditentukan oleh wahyu untuk mengatur kehidupan manusia yang lebih sistematik, dan menentukan hubungannya dengan orang lain di dunia ini sepenuhnya. Akhlak dirumuskan oleh Dr. Miqdad Yaljan kepada kategori iaitu akhlak yang berhubung dengan watak asal ataupun fitrah manusia, akhlak yang berhubung dengan watak-watak yang boleh di ikhtiarkan dan akhlak yang merangkumi perlakuan dalaman dan luaran. Maksudnya, akhlak yang diutarakan oleh Miqdad lebih menfokuskan kepada keselarasan sifat semulajadi insan yang dicernakan dengan sedar berasaskan perbuatan batiniah dan zahiriah (Khambali@Hambali, 2000).

Semua hujah di atas menunjukkan bahawa wajib bagi semua orang Muslim untuk mengamalkan etika yang baik. Oleh itu, umat Islam wajar selalu mempraktikkannya agar kita mendapat kedudukan mulia di hadapan Allah dan Rasul-Nya.

Selain itu, walaupun terdapat banyak literasi yang mendukung lindung nilai (hedging) sebagai motif utama untuk menggunakan derivatif, penggunaan derivatif dalam lindung nilai mencetuskan beberapa perselisihan antara kebanyakan ahli hukum Islam (Nordin *et al.*, 2015). Derivatif adalah kontrak diantara dua pihak atau lebih bagi urus niaga perniagaan produk kewangan ataupun alat yang dilahirkan (derived) daripada aset pendasar yang lain. Derivatif adalah instrumen kewangan di mana kadarnya adalah bergantung kepada kadar aset pendasarnya seperti komoditi, mata wang asing, saham dan kadar faedah (Loader, 2005). Terdapat beberapa jenis kontrak derivatif, antaranya adalah kontrak pasaran hadapan, pasaran akan datang, opsyen dan swap. Kontrak derivatif seperti kontrak pasaran hadapan, akan datang, opsyen dan swap adalah berlainan daripada pasaran tunai. Hal ini kerana pemberian barangan dan pembayaran dalam pasaran tunai terjadi semasa kontrak dibuat.

Kesimpulannya, prinsip etika Islam memainkan peranan yang amat penting dalam segala urusan harian berlandaskan agama dan tidak terkeluar daripadanya termasuklah apa yang ingin dibincangkan dalam artikel ini iaitu komoditi derivatif kontrak. Perkembangan kontrak derivatif impak daripada kerangka konvensional sudahpun mendapat penerimaan pandangan yang berbeza akibat daripada wujudnya isu dan hukum dalam kontrak tersebut. Penghayatan agama yang kukuh dan mantap mampu menjadi perisai daripada terjebak dengan kontrak derivatif yang lari dari landasan etika agama. Semua urusan harian termasuklah kontrak derivatif haruslah berpandukan kepada prinsip etika Islam dalam al-Quran dan sunah. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh abi hurayrah bahawa Rasulullah SAW bersabda (Al-Bukhari, 2001: 7288):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ، قَالَ: «دَعُونِي مَا تَرَكْتُمْ، إِنَّمَا هَلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ بِسُؤَالِهِمْ وَاخْتِلَافِهِمْ عَلَى أَنْبِيَائِهِمْ، فَإِذَا نَهَيْتُمْ عَنْ شَيْءٍ فَاجْتَنِبُوهُ، وَإِذَا أَمَرْتُمْ بِأَمْرٍ فَأَتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ.»

Maksud: *Daripada Abu Hurairah RA daripada Nabi SAW, Baginda bersabda, "Biarkanlah aku dengan apa yang aku tinggalkan kepada kamu semua. Sesungguhnya binasa orang yang sebelum kamu tidak lain kerana banyak persoalan dan perselisihan mereka terhadap nabi-nabi mereka.*

*Maka apabila aku melarang kamu daripada sesuatu urusan, jauhilah ia dan apabila aku memerintahkan kamu dengan suatu urusan, lakukanlah sekadar yang termampu."*

(Al-bukhari)

Di sini dapat disimpulkan bahawa setiap Muslim wajib menjauhi apa sahaja larangan Allah dan wajib melakukan setiap apa yang diperintahkan oleh Allah SWT dan Rasul berdasarkan kemampuannya dan selagi tidak menimbulkan kemudharatan kepada seseorang hamba. Jika isu syariah yang lahir daripada kontrak derivatif itu melibatkan perkara yang dilarang Allah seperti riba, gharar dan sebagainya, wajib ditinggalkan perkara tersebut dan begitulah sebaliknya.

Akhir sekali, prinsip etika Islam dalam kontrak derivatif digunakan bertujuan untuk panduan kepada seluruh masyarakat Islam daripada terbabas dan tidak lari dari hukum syarak sehingga dapat menghakis akhlak mulia dan nilai syariah dalam diri seorang insan yang bergelar Muslim. Perlu diingat bahawa semua terjemahan al-Quran yang digunakan adalah menggunakan tafsir Ustaz Abdullah Basmeih (1999).

## **JENIS KONTRAK DERIVATIF**

Derivatif adalah instrumen kewangan ataupun kontrak yang dilakukan antara dua pihak atau lebih dalam urusan perdagangan produk kewangan yang nilainya didapati daripada aset pendasar lain. Perkara ini tertakluk kepada nilai aset pendasarnya contohnya seperti komoditi, saham, mata wang asing dan kadar faedah. Terdapat empat jenis kontrak derivatif yang biasa. Antaranya adalah seperti pasaran hadapan, akan datang, opsiyen dan swap. Ianya berlainan daripada pasaran tunai kerana apa yang berlaku dalam pasaran tunai, pembayaran dan juga penyerahan barangan dilakukan sewaktu kontrak dibuat (Bacha, 2012). Selain itu, terdapat sedikit perbezaan yang berlaku dalam pasaran hadapan dan pasaran akan datang di mana segala syarat kontrak tidak sama dan tertakluk kepada persetujuan pembeli dan penjual dalam pasaran hadapan. Manakala dalam pasaran akan datang pula, syarat kontrak yang tertakluk adalah sama kepada semua dan perniagaan dibuat antara pembeli atau penjual (pihak yang terlibat) adalah dengan bursa tukaran (futures exchange) dan bukannya sesama sendiri. Antara kontrak derivatif adalah seperti berikut, iaitu kontrak pasaran hadapan, pasaran akan datang, opsiyen, dan *swap*.

### **Kontrak Pasaran Hadapan**

Transaksi kontrak pasaran hadapan (*forward*) adalah transaksi perniagaan yang dibuat pada suatu masa namun penyerahan barangan berlaku pada waktu yang akan datang. Perkara seperti nilai harga, kuantiti barang, waktu dan tempat pemberian dalam transaksi ini sudahpun ditetapkan dalam kontrak, tetapi pembayaran berupa wang ringgit dan barang diberikan pada waktu yang sudahpun dipersetujui. Dalam transaksi ini, ketetapan penentuan harga bergantung kepada kekuatan dan penawaran berdasarkan komoditi barang untuk masa yang berbeza. Penyerahan barang adalah yang menjadi perbezaan antara kontrak pasaran hadapan dan juga pasaran akan datang di mana dalam kontrak hadapan, penyerahan barang berlaku pada jangka masa satu sehingga enam bulan ke hadapan manakala bagi pasaran akan datang pula berlaku sehingga enam bulan lebih (Gunarsa, 2019).

### **Pasaran Akan Datang**

Kontrak pasaran akan datang adalah kontrak standard dan didagangkan di bursa. Ia didefinisikan sebagai aktiviti jual beli beberapa kontrak atau perjanjian yang berdasarkan terma *standard* untuk tujuan memberikan komoditi atau aset kewangan di waktu yang akan datang (woelfel, 1995). Selain itu, ianya juga kontrak untuk membeli komoditi tertentu di masa akan datang berdasarkan pada harga tertentu atau dengan maksud yang lain ia merupakan perjanjian berbentuk kontrak yang dilakukan di bursa berjangka bagi tujuan membeli ataupun menjual

sesuatu komoditi di masa akan datang. Pemegang dibolehkan untuk menjual dan membeli aset dalam transaksi ini, walaupun begitu keadaan kadarnya terletak antara waktu yang tertentu (Gunarsa, 2019). Secara ringkasnya, pasaran akan datang ialah aktiviti jual beli kontrak-kontrak akan datang.

### **Opsyen**

Kontrak opsyen merupakan kontrak yang terjaantara dua pihak di mana pembeli merupakan satu pihak yang membayar sejumlah nilai wang sebagai harga opsyen yang dikatakan juga sebagai *premium* kepada pihak yang lain. Pembeli opsyen membayar *premium* untuk membeli hak daripada penjual. Di sini jelas bahawa penjual dan pembeli mempunyai kuasa sama ada menjual ataupun membeli aset pendasar untuk tempoh waktu yang tertentu pada harga yang ditetapkan terlebih awal (Chance, 2008).

Kontrak opsyen bukan sesuatu hak pemilikan, tetapi ianya adalah sesuatu hak bagi tujuan membuat pembelian mahupun penjualan. Jadi, pemegang opsyen boleh membiarkan sahaja hak tersebut jika didapati perubahan yang terjadi pada harga instrumen pendasar tidak memberi keuntungan. Pembelian opsyen membolehkan risiko kerugian dapat dihadkan setakat nilai jumlah *premium* sahaja jika berlaku kemelesatan harga aset pendasar sebaliknya jika harga menaik, keuntungan akan diperoleh. Opsyen boleh didagangkan dalam dua pasaran iaitu di atas kaunter dan juga di pasaran bursa bertukar (Ali *et al.*, 2007).

Kontrak opsyen ini mempunyai perbezaan dengan kontrak pasaran hadapan dan kontrak pasaran akan datang di mana opsyen ialah sesuatu kontrak yang menyerahkan hak kepada pembeli sama ada bertujuan membeli mahupun tidak dan juga memberikan hak kepada penjual sama ada ingin menjual ataupun tidak aset pendasar pada harga yang ditetapkan dari awal tempoh waktu yang ditentukan (hull, 2014). Kontrak opsyen menyerahkan hak kepada seseorang yang mempunyainya untuk memilih sama ada melaksanakan haknya ataupun tidak. Tetapi, jika hak itu tidak dilaksanakan ketika tempoh matang, maka *premium* yang dibayar akan lesap (hull, 2014).

### **Swap**

Kontrak swap merupakan kontrak derivatif yang dilakukan antara dua pihak bagi mengubah aliran tunai pada masa hadapan. Antara kontrak swap yang popular yang didagangkan di kaunter adalah swap kadar faedah dan swap mata wang. Kontrak swap merupakan perjanjian antara dua pihak bertujuan mengubah aliran tunai pada waktu tertentu (Chance & Brooks, 2015; Chorofas & N., 2008). Kontrak swap dapat mengurangkan risiko kadar harga sesuatu komoditi di mana kadar harga ditetapkan bagi pihak yang berkontrak. Selain itu, kontrak *swap* didagangkan di atas kaunter yang mengakibatkan pihak yang berkontrak terdedah dengan risiko kredit (Ali *et al.*, 2007; Chance & Brooks, 2015). Secara amnya, komoditi, kewangan dan ekuiti adalah merupakan aset pendasar kontrak swap. Kontrak swap aset pendasar komoditi dibuat adalah bertujuan untuk mengunci harga sesuatu komoditi. Ia merupakan kontrak yang menjadikan pihak yang berkontrak membayar berdasarkan harga sesuatu komoditi. Hal ini jelas di mana satu pihak membayar dengan harga yang tidak berubah manakala satu pihak lagi membayar dengan harga terkini dan kaedah pembayaran lain juga dibenarkan (Chance, 2008).

## **ISU DAN HUKUM DALAM KOMODITI DERIVATIF KONTRAK**

Perkembangan dalam komoditi derivatif kontrak dalam dunia sekarang yang terhasil melalui kerangka konvensional menerima respon dan komen yang pelbagai daripada para sarjana Islam kerana lahirnya beberapa isu dalam kontrak tersebut. Antara isu yang dibincangkan dalam kalangan para ilmuwan sehingga sekarang adalah isu yang melibatkan gharar, riba, perjudian, spekulasi dan tidak penuhi konsep mal dan bayaran premium. Namun begitu,

terdapat beberapa perbezaan dan pandangan dalam membincangkan tentang isu ini di mana ada pihak yang menerima dan menolak kontrak ini kerana terdapat unsur gharar, judi, riba, spekulasi, serta konsep 'maal' dan bayaran premium.

### Gharar

Perkataan gharar merupakan dalam bahasa arab yang memberi maksud mendedahkan diri atau harta secara tidak sedar kepada kemusnahan. Secara amnya, gharar didefinisikan sebagai bahaya, malapetaka atau risiko. Mengikut perspektif pandangan Islam, gharar merupakan kontrak jual beli yang dilarang dan diharamkan dalam Islam kerana terdapat unsur keraguan yang mungkin akan mengakibatkan ketidakfahaman dan kurang jelas antara pembeli dan penjual (Ahmad, W. M. W. *et al.*, 2004). Kesimpulannya, gharar boleh juga diertikan sebagai jual beli yang mempunyai unsur penipuan kerana tidak ada kejelasan sesuatu barang sama ada dari segi harga, kualiti dan tempatnya. Lahirnya isu gharar dalam jual beli terutama dalam kontrak derivatif adalah kerana tiada barang sewaktu kontrak dilakukan dan juga berlaku penangguhan pemberian barangan dan pembayaran.

Terdapat beberapa dalil al-Quran dan hadis yang menyatakan tentang hukum gharar dalam jual beli. Antaranya adalah Allah SWT berfirman:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا  
فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾

Maksud: *Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang lain) antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)(188).*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 188)

Selain itu, Allah SWT juga berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً  
عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٢٩﴾

Maksud: *Wahai orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu (29).*

(Surah *al-Nisaa*, 4: 29)

Dan terdapat hadis yang menjelaskan (Muslim, Abu al-Husain, t.th: 1513) :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: «نَهَى رَسُولُ اللَّهِ ﷺ عَنْ بَيْعِ الْحِصَاةِ، وَعَنْ بَيْعِ الْغَرَرِ.»

*Maksud: Abu Hurayrah berkata, "Rasulullah SAW melarang jual beli al-Hasoh (dengan melempar batu) dan jual beli gharar.*

(Muslim)

Kontrak derivatif sering dikaitkan dengan isu *gharar* dan sesetengah ilmuwan menolak kontrak ini kerana wujudnya elemen *gharar* yang melampau. ia adalah sama dengan *bay' ma'dum* yang terdapat larangannya dalam hadis yang diriwayatkan daripada abi Abdullah bahawa Rasulullah SAW bersabda (Muslim, Abu al-Husayn, t.th: 1514) :

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ ﷺ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ «أَنَّهُ نَهَى عَنْ بَيْعِ حَبْلِ الْخَبَلَةِ.»

*Maksud: 'Abdullah RA menceritakan daripada Rasulullah SAW bahawa baginda melarang jual beli anak unta yang berada dalam perut*

(Muslim)

Menurut Kamali (2000) yang melarang segala jenis urus niaga barangan yang tiada dan mungkin tidak ada bersama penjual. Ada beberapa ilmuwan yang tidak bersetuju dengan pandangan yang melarang kontrak derivatif di mana wujudnya unsur *gharar* yang keterlaluan apabila ia melibatkan barangan yang tiada wujud ataupun barangan yang tidak ada dalam pemilikan berdasarkan petikan daripada pendapat Ibn Qayyim (al-Amine, 2008) di mana dalam petikannya Ibn Qayyim menegaskan larangan *bay' ma'dum* disebabkan wujudnya unsur tidak mampu untuk memberikan barangan yang dijual, sama ada kewujudan barangan tersebut ada atau tidak ada sama sekali kerana terdapatnya unsur *gharar*. Walaupun begitu, *bay' ma'dum* kepada perkara yang wujud dan penjual dapat memperolehnya atau dalam bentuk dapat diwujudkan berdasarkan kebiasaan, maka ia adalah sesuatu yang dibolehkan, sama seperti *bay' salam* dan *bay' istisna'*.

Dapat disimpulkan bahawa larangan *bay' ma'dum* disebabkan unsur *gharar* dan bukannya unsur *ma'dum* tersebut. Pendapat daripada (Obaidullah, 2011) turut tidak bersetuju dengan pendapat sarjana yang melarang kontrak derivatif beralasan adanya unsur *gharar* yang keterlaluan apabila ia melibatkan barangan yang tidak ada atau barangan yang tidak wujud dalam pemilikan. Hal ini kerana dalam sistem kewangan yang terlalu subjektif dan bursa yang tersusun, perkara tersebut bukanlah menjadi asbab kepada unsur *gharar* yang melampau. Namun, unsur *gharar* hanya lahir apabila kebarangkalian untuk untung mahupun rugi dalam kontrak mengakibatkan terjadinya spekulasi. Situasi ini menjerumus kepada kebarangkalian untuk berlaku penipuan oleh pelabur yang mengalami kerugian. Justeru, kontrak yang mempunyai unsur *gharar* yang melampau boleh disama ertikan dengan perjudian yang dilarang dan diharamkan dalam Islam.

Elemen penting yang perlu ada dalam sesuatu akad ialah mampu untuk diserahkan dan jika penjual tidak mampu untuk menyerahkan barangan tersebut, maka di situ terdapatnya unsur *gharar*. Perselisihan pendapat adalah berpunca daripada perbezaan interpretasi *gharar*. Satu pihak melihat isu *gharar* wujud apabila barang tiada ketika kontrak berdasarkan larangan zahir daripada hadis tanpa mengambil kira faktor kebarangkalian untuk barang tersebut wujud selepas kontrak dimeterai dan terdapat pengawal seliaan yang akan memastikan barang dapat diserahkan. Manakala satu pihak lagi melihat isu *gharar* dalam pandangan yang lebih menyeluruh dan lebih dekat dengan ruh syariah.

Pendapat daripada (Kamali, 2000) turut menolak isu tersebut dan berpendapat isu *gharar* melampau adalah relevan dalam bursa yang tiada pengawalan dan tidak tersusun kerana wujud unsur ketidakpastian penerimaan barangan daripada penjual. Malah, beliau menegaskan bahawa kontrak derivatif seperti kontrak niaga hadapan dan opsiyen tidak mengandungi *gharar* jika di kawal selia oleh pihak ketiga dan jika dalam dagangan yang tersusun. Oleh itu, kontrak ini diharuskan selagi aset pendasarnya tidak bercanggah dengan syarak.



## Judi

Judi adalah berasal daripada perkataan bahasa arab ‘al-maisir’ yang membawa maksud permainan pertaruhan di mana dalam masyarakat arab menggunakan anak panah. Ia juga didefinisikan sebagai permainan dengan menggunakan anak batu, dadu atau segala jenis pertaruhan (Syauqi, 2004). Dari segi istilah judi memberi beberapa makna yang dikemukakan daripada para ulama antaranya:

- (1) Ibn Hajar al-Makki yang memberi pendapat bahawa judi merujuk kepada apa-apa bentuk pertaruhan.
- (2) Al-Mahalli menyatakan judi merupakan sebuah bentuk pertaruhan yang dilarang yang terdedah untuk menang atau kalah (Al-Muhalli, 1995).
- (3) Al-Mawardi mendefinisikan judi sebagai suatu pertandingan yang melibatkan pihak tidak terlepas daripada menjadi pemenang (mengambil) ataupun tewas (menyerahkan) hadiah yang dipertaruhkan (Al-Mawardi, 1994).
- (4) Imam Malik pula berpendapat judi berasal daripada dua bentuk:
  - (a) Judi yang bersifat sia-sia (lagha) iaitu suatu permainan yang mempunyai buah dadu, catur atau apa-apa elemen hiburan yang tiada memberi manfaat (Malik, 2004).
  - (b) Judi yang bersifat pertaruhan iaitu segala bentuk yang merbahaya ataupun mengabaikan diri orang lain.

Terdapat dalil al-Quran berkaitan juantaranya seperti firman Allah SWT:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا  
 أَكْبَرُ مِنْ نَفْعِهِمَا وَيَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ قُلِ الْعَفْوَ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ  
 الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١٩﴾

Maksud: Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah, “Pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya dan mereka bertanya pula kepadamu: Apakah yang mereka akan belanjakan (dermakan)? Katakanlah, “Dermakanlah - apa-apa yang berlebihan dari keperluan (kamu). Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-Nya (keterangan hukum-Nya) supaya kamu berfikir. (219)

(Surah al-Baqarah, 2: 219)

Peringkat seterusnya merupakan dalil al-Quran menyatakan bahawa judi itu adalah kotor di mana boleh difahami bahawa ia adalah dilarang dalam Islam iaitu:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ  
 فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾

Maksud: Wahai orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu Berjaya (90)

(Surah al-Maidah, 5: 90)

Seterusnya, isu perjudian dalam kontrak derivatif dibincangkan di mana menurut (Obaidullah, 2011) bayaran *margin* sebelum bermula urus niaga dalam kontrak derivatif dianggap sebagai pertaruhan atau perjudian bagi sesetengah ulama. Penjual tidak mempunyai aset yang dijual begitu juga pembeli hanya membuat pembayaran bagi *margin*. Walaupun begitu, pandangan ini tidak diterima dengan jawapan deposit sekuriti ataupun bayaran *margin* tidak lari dari landasan agama seperti prinsip sandaran jaminan sebagaimana yang ditetapkan dalam prinsip *al-rahm*. Ia merupakan prinsip untuk memastikan kekuatan hubungan sebuah transaksi. Dalam transaksi jual beli secara penangguhan, ia boleh memperkuat pertalian kontrak mewakili jaminan harga yang masih tidak diselesaikan. Adapun dalam konteks pasaran komoditi, ia memperkuat keupayaan peserta pasaran bagi melakukan penyelesaian tunai dibandingkan dengan ketiadaan syarat berkaitan. Jika dilihat dari sudut bayaran *margin*, tidaklah berlawanan dengan syariah bagi sesebuah kontrak, harga itu harus dibayar (Bakar., 1998). Tambahan pula, kesan perubahan daripada harga aset pendasar menyebabkan pihak yang berkontrak mengambil risiko dan juga pertukaran harga dalam kontrak derivatif, bukan hanya berdasarkan nasib mahupun tuah. Jadi, perkara ini tidak boleh diklasifikasikan sebagai perjudian (Bacha, 2012).

### Riba

Riba didefinisikan pada bahasa iaitu bertambah atau subur. Manakala, dari segi istilah riba membawa maksud aqad sesuatu pertukaran barang yang tertentu dan tidak tahu akan persamaannya berdasarkan kiraan syarak sewaktu akad ataupun tahu persamaannya dengan menggunakan kedua pertukaran itu atau salah satu daripada keduanya (al-Fatani, 1914). Ulama membahaskan tentang isu riba dalam kitab matla' al-badrayn (al-Fatani, 1914) iaitu riba terbahagi kepada tiga jenis iaitu riba al-Fadhl, riba al-Yad dan riba al-Nasi'ah. Riba al-fadhl yang bermaksud riba yang dibayar lebih pada pihak yang menukarkan barang. Seterusnya riba al-Yad bermaksud riba yang dibayar lebih kerana tidak diterima dalam aktiviti akad jual beli dan akhir sekali riba al-nasi'ah yang didefinisikan sebagai riba yang dibayar lebih kerana dilewatkan pembayarannya. Amalan riba ini merupakan punca kepada kesengsaraan dan juga penderitaan kepada mereka yang sangat perlukan harta dan mengalami kesushan hidup. Dalil al-Quran jelas dalam menyatakan hukum riba ini antaranya:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

Maksud: *Padahal Allah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba (275)*

(Surah al-Baqarah, 2: 257)

Selain itu, Allah SWT juga berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا الرِّبَا أَضْعَافًا مُّضَاعَفَةً وَاتَّقُوا اللَّهَ  
لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٣٠﴾

Maksud: *Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat-lipat ganda, dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah supaya kamu berjaya. (130)*

(Surah ali 'Imran, 3: 130)

Seterusnya dalil hadis tentang riba yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah bahawa Rasulullah SAW bersabda (Al-Bukhari, 2001; Muslim, Abu al-Husain, t.th):

اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُوبِقَاتِ. قِيلَ: «يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا هُنَّ؟ قَالَ: «الشَّرْكَ بِاللَّهِ،  
وَالسِّحْرُ، وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ، وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ وَأَكْلُ الرَّبَا،  
وَالتَّوَلَّى يَوْمَ الرَّحْفِ، وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْعَافِيَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ.»

Maksud: *Jauhilah kamu daripada tujuh dosa besar ini (perkara yang membinasakan). Para sahabat bertanya: Apakah ia wahai Rasulullah SAW? Rasulullah SAW bersabda: Syirik kepada Allah SWT, sihir, membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah SWT melainkan dengan kebenaran, memakan riba, memakan harta anak yatim, melarikan diri dari peperangan dan menuduh wanita yang beriman dengan berzina.*

(Al-bukhari dan Muslim)

Isu riba dalam kontrak derivatif wujud dalam aset pendasar kadar faedah. Ia diniagakan berdasarkan kadar faedah dalam pasaran tunai. Sangat jelas bahawa terlibat dengan riba dan menyebabkan kontrak ini adalah haram. Pendapat lain juga mengatakan wujud unsur riba dalam kontrak derivatif aset pendasar mata wang asing di mana pertukaran mata wang berlainan dibuat pada waktu akan datang ataupun tangguh dari segi penyerahan. Hal ini kerana dalam Islam, para fuqaha membincangkan tentang prinsip bay' al-sarf dan jelas bahawa kontrak aset pendasar mata wang asing bercanggah dengan prinsip ini. Dalam bay' al-sarf, haruslah dilakukan sekarang dan tidak tangguh beserta dalam jumlah nilai yang sama untuk mata wang bagi mengelakkan berlaku riba al-nasi'ah (Obaidullah, 2011). Perkara atau isu riba ini tidak ada perbezaan pandangan atau pendapat dalam kalangan ilmuwan kerana terdapat larangan yang jelas dalam al-Quran yang sudah dijelaskan. Isu riba dalam kontrak derivatif jenis aset pendasar kadar faedah dan juga aset pendasar mata wang asing dan konvensional adalah bercanggah dengan Islam.

### Spekulasi

Isu spekulasi dalam kontrak derivatif tidak membawa kepada faedah ekonomi. Ia memberi makna sesuatu perbuatan untuk memperolehi keuntungan dalam tempoh waktu yang singkat tanpa mempunyai niat untuk membuat kontrak tersebut (Naughton & Naughton, 2000). Perkara ini ditegaskan bahawa kontrak derivatif seperti pasaran akan datang yang membolehkan jualan pendek adalah salah satu bentuk yang dipanggil spekulasi di mana perkara ini tidak membawa kepada faedah ekonomi. Selain itu, pendapat lain yang mengatakan spekulasi ini terdapat dalam semua bentuk perniagaan bukan sahaja dalam pasaran derivatif bahkan dalam pasaran tunai (Muhammad Akram Khan, 1988). Namun, bukan semua unsur spekulasi itu adalah berbahaya dan dilarang berdasarkan ianya dalam bentuk yang keterlaluan atau dalam keadaan normal.

Terdapat pendapat yang mengatakan lahirnya unsur spekulasi dalam kontrak derivatif terutama dalam kontrak pasaran akan datang di mana tiada niat dalam menerima ataupun melakukan penyerahan fizikal. Tetapi, hanya berminat kepada perubahan harga sewaktu ingin menutup kontrak ketika belum sampai tempoh matang (close out) dan tidak melibatkan penyerahan barangan pada kebanyakan kontrak. Perkara ini iaitu tempoh matang menyebabkan penyertaan dalam kontrak hanyalah untuk memperolehi keuntungan sahaja daripada perbezaan harga. Oleh itu, spekulasi yang terlibat dalam kontrak derivatif dilarang kerana adanya unsur spekulasi yang ditakuti menyamai perjudian di mana Islam menghukumkan dengan haram. Tambahan lagi, semua kontrak derivatif terutama kontrak pasaran hadapan dan pasaran akan

datang dengan tidak mengira aset pendasarnya dilarang dalam Islam disebabkan tidak mengambil kira serahan barang bahkan hanya ingin memperoleh keuntungan sahaja daripada perubahan harga (Obaidullah, 2011). Pendapat yang menyatakan aktiviti (close out) merupakan perkara yang hanya untuk mendapatkan keuntungan sahaja dalam waktu yang singkat dan tidak ada penyerahan barangan secara fizikal kepada pihak yang berkontrak. Hal ini kerana mereka bukan memerlukan komoditi tersebut tetapi ingin mengunci harga dan memperoleh keuntungan daripada penurunan dan kenaikan harga dalam kontrak berdasarkan harga semasa (Loader, 2005).

### **Konsep ‘Maal’ dan Bayaran Premium**

Isu berkaitan ini selalu diterbitkan dalam kontrak opsyen di mana konsep atau bayaran ‘maal’ itu diterima dari perspektif syariah atau tidak. Hal ini berfokus kepada status kontrak itu sendiri. Seperti yang diterangkan, kontrak opsyen merupakan perjanjian bagi membeli dan sesuatu komoditi dengan harga dan masa tertentu. Di sini lahirnya satu perjanjian yang tidak dapat dijadikan sebagai akad. Jadi, bayaran *premium* adalah tidak sah. Hal ini memberi makna bahawa opsyen tidak meliputi konsep ‘maal’ (Danila *et al.*, 2009).

Namun, konsep ‘maal’ ini tidak wujud dan ada yang mengatakan hak pemilikan dalam kontrak opsyen ini merupakan haq maali dan dapat dijadikan sebagai subjek akad dan dijual beli. Hal ini disebabkan ia terdapat nilai dalam waktu tertentu dan diniagakan dalam pasaran tersendiri. Kontrak opsyen mempunyai tarikh luput di mana jika tidak laksanakan hak pada tarikh tersebut maka tiada nilai lagi bagi hak tersebut yang dipanggil dengan tarikh matang kontrak. Pihak yang memegang kontrak mempunyai hak mendapatkan manfaat jika beliaian harga lebih rendah daripada harga jualan ketika kontrak dilakukan sebelum tarikh matang atau pada tarikh matang (Bakar., 1998). Selain itu, pendapat yang lain juga bersetuju mengatakan isu konsep ‘maal’ tidak wujud dalam kontrak opsyen kerana jual beli dalam kontrak ini adalah *haq maali* dan merupakan subjek akad. Hal ini jelas di mana hak dalam kontrak ini memenuhi konsep ‘maal’ yang berlandaskan Islam di mana tidak ada ciri hak yang diterima sebagai hak harta. Jadi, hak dalam kontrak opsyen diambil kira sebagai hak harta kerana penerimaan atau dikenali sebagai ‘uruf sesuatu masyarakat antarabangsa. Oleh itu, secara ringkasnya ia merupakan hak harta dan dapat dijadikan sebagai subjek akad mengikut syariah Islam (al-Amine, 2008).

## **RUMUSAN**

Mengikut pandangan dan pendapat dunia Islam bahawa etika, agama dan feqah bersifat melengkapinya antara satu sama lain dan tidak berbeza. Oleh itu, apa yang salah secara etika dan akhlak juga tidak sah dan undang-undang hanya membenarkan apa yang beretika dan berakhlak. Ringkasnya, kontrak derivatif komoditi mempunyai isu berkaitan syariah dan harus memenuhi prinsip etika Islam yang membolehkan proses jual beli dalam komoditi derivatif kontrak dilaksanakan.

## **RUJUKAN**

- Ahmad, Muhammad Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu‘ay al-Arna’ut & ‘Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu’assah al-Risalah.
- Ahmad, Wan Marhaini Wan, Rahman, Asmak Abd., Ali, Nor Aini, *et al.* 2004. “Riba Dan Gharar Dalam Insurans: Satu Analisis Fiqh”. *Jurnal Fiqh*.
- al-Amine, Muhammad al-Bashir Muhammad. 2008. *Risk Management in Islamic Finance: An Analysis of Derivatives Instruments in Commodity Markets*, . Jld. 1: Brill, nijhoff.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad 2001. *Al-Jami‘ al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi - Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.

- al-Fatani, Muhammad Isma'il Daud. 1914. *Matla' al-Badrayn wa Majma' al-Bahrayn*. Pulau Pinang, Malaysia: Sulaiman Press.
- Al-Ghazali, Muhammad. 1998. *Ihya' 'Ulum al-din*. Jld. 1-4. Beirut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah.
- Al-Mawardi, Abu al-Hasan 'Ali. 1994. *Al-Hawi al-Kabir*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Muhalli, Syamsuddin. 1995. *Khasyitain Qulaiby- Umairah A'la Minhaji al-Thalibin fi fikhi al-Shafii*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Ali, Rosalan, Noryati Ahmad, & Ho, Soke Fun. 2007. *Introduction to Malaysian derivatives*. Shah Alam, Selangor: University Publication Centre, Universiti Teknologi MARA (UiTM).
- Bacha, Obiyathulla Ismath. 2012. *Financial derivatives : markets and applications in Malaysia*. 3 ed. McGraw-Hill: Shah Alam : McGraw-Hill (Malaysia).
- Bakar., Mohd. Daud. 1998. *Pasaran hadapan komoditi minyak sawit mentah: Perspektif Syari'ah*.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Chance, Don M. 2008. *Essays in Derivatives: Risk-Transfer Tools and Topics Made Easy*. 2 ed. New jersey.
- Chance, Don M., & Brooks, Roberts. 2015. *Introduction to Derivatives and Risk Management*. 10 ed. Boston, USA Cengage Learning.
- Chorofas, & N., Dimitris. 2008. *Introduction to Derivatives Financial Instruments: Options, Futures, Forward, Swap and Hedging*. New York: McGraw-Hill.
- Danila, Nevi, & E., Jeffers Agatha. 2009. "derivatives: an Islamic perspective". *Journal of International Finance and Economics*.
- Gunarsa, Surya Muhammad. 2019. "Kontrak Berjangka Komoditas Emas Sebagai Instrumen Transaksi Derivatif dalam Kajian Hukum Ekonomi Syariah". *jurnal hukum*, 2. doi: DOI: 10.22437/ujh.2.1.95-117
- hull, john c. 2014. *Options, futures & other derivatives*. 9 ed. New Jersey: Pearson.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2016. Pembangunan Akhlak. Dlm. Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam*. Edisi Pertama ed., hlm. 99-100. Skudai Johor:: Fakulti Tamadun Islam UTM & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES).
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2017. *Bicara Buku: Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlak*. Kertas Kerja dalam Bicara Karya. Perpustakaan Sultanah Zanariah, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019. *Ciri Keburukan dan Kebajikan: Surah al-Baqarah (2: 174-177)*. Kertas Kerja dalam Siri 33: Program Budaya al-Quran, 31hb Oktober 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2020. *Ciri Keburukan dan Kebajikan: Surah al-Baqarah (2: 174-177)*. Jld. 1-XX. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Mustari, Mohd, & Mohamed, Ahmad Kilani. 2004. "Pendidikan Akhlak kepada Allah SWT: Nadi Penggerak Pembangunan Peradaban Insan".
- Kamali, M.H. 2000. *Islamic Commercial Law: An Analysis of Futures and Options*. Islamic Texts Society.
- Khambali@Hambali, Khadijah binti Mohd. 2000. "konsep sila dan akhlak : satu analisis awal". *Afkar*, 1.
- Loader, David. 2005. *Clearing and Settlement of Derivatives*. 1st ed. Butterworth-Heinemann.
- Malik, Anas. 2004. *Muwatta'*. Muhammad Mustafa al-A'zami (Ed.). Al-Imarat: Mu'assasah Zayid ibn Sultan Ali Nihyan li al-A'mal al-Khairiyyah wa al-Insaniyyah.

- Mohd. Hairudin, Amin, & Kamarul Azmi, Jasmi. 2011. *Sekolah Agama: Penjana Generasi Berakhlak*. Ed. 1. ed. Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia: Penerbit UTM Press, Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhamad, Hilman, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2013, 17-18 September 2013. *Penerapan Akhlak Islamiah dalam P&P Guru Matematik di Daerah Kulaijaya, Johor: Satu Kajian Rintis*. Kertas Kerja dalam Seminar Pertama Pendidikan dan Penyelidikan Islam [SePPIM'13]. The Main Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad Akram Khan. 1988. "Commodity Exchange And Stock Exchange In An Islamic Economy". *IIUM Journal of Economics and Management*, 2.
- Muslim, Abu al-Husayn. t.th. *Al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar bi Naqli al-'Adli ila Rasulallah SAW*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi.
- Muslim, Abu al-Husain. t.th. *Al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar bi nakli al-'Adli 'ala Rasulallah s.a.w*. Muhammad Fuad al-Baqi (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Dar 'hya' al-Turash al-'Araby.
- Naughton, S., & Naughton, T. . 2000. "Religion, Ethics and Stock Trading: The Case of an Islamic Equities Market.". *Journal of Business Ethics*.
- Nordin, Nadhirah, Mustafa`Afifi Ab. Halim, & Azlin Alisa Ahmad. 2015. "Islamic Justifications of Foreign Exchange Options Contract as a Tool of Risk Management.". *International Business Management*, 9, 1455-1462.
- Obaidullah, Mohammed. . 2011. "FINANCIAL CONTRACTING IN CURRENCY MARKETS: AN ISLAMIC EVALUATION. ".
- Syauqi, D. 2004. *Al-Mu'jam al-Wasit*. Al-Qahirah: Maktabah al-Syarq wa al-Dauliyyah.
- woelfel, Charles J. 1995. *Encyclopedia of Banking and Finance*. 10 ed. Probus Professional Pub: Probus Professional Pub;

**PROSIDING**  
**SEMINAR FALSAFAH SAINS DAN KETAMADUNAN**  
**2(2) 2020**

Tema

**Etika Islam untuk Kehidupan yang Gemilang**

Tarikh

**12 May 2020**

Tempat

**Dewan Maya**

**Akademi Tamadun Islam**

**Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan**

**Universiti Teknologi Malaysia**

Editor

**Kamarul Azmi Jasmi**

**Ahmad Muhyuddin Hassan**

**Wan Hassan Wan Embong**

**Akademi Tamadun Islam**

**Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan**

**Universiti Teknologi Malaysia**

**PROSIDING  
SEMINAR FALSAFAH SAINS DAN KETAMADUNAN  
2(2) 2020**

**Tema**  
Etika Islam untuk Kehidupan yang Gemilang

**Tarikh**  
12 May 2020

**Tempat**  
Dewan Maya  
Akademi Tamadun Islam  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Teknologi Malaysia

**Editor**  
Kamarul Azmi Jasmi  
Ahmad Muhyuddin Hassan  
Wan Hassan Wan Embong

Akademi Tamadun Islam  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Teknologi Malaysia



Cetakan Pertama 2020 Edisi Pertama

© Kamarul Azmi Jasmi

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan (2 : 2020 : Johor)

PROSIDING SEMINAR FALSAFAH SAINS DAN KETAMADUNAN. 2(2) 2020 :  
Etika Islam untuk Kehidupan yang Gemilang, 12 May 2020, Dewan Maya, Akademi  
Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia /  
Editor: Kamarul Azmi Jasmi, Ahmad Muhyuddin Hassan, Wan Hassan Wan Embong.

Mode of access: Internet

eISBN 978-967-2401-21-6

1. Science-Philosophy-Congresses.
  2. Civilization-Philosophy-Congresses.
  3. Islamic civilization-Congresses.
  4. Government publications-Malaysia.
  5. Electronic books.
- I. Kamarul Azmi Jasmi, 1973-. II. Ahmad Muhyuddin Hassan.  
III. Wan Hassan Wan Embong. IV. Judul.  
901

### **Editor Bahasa, Kulit, dan Pengatur Huruf**

**Kamarul Azmi Jasmi**  
Akademi Tamadun Islam  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)  
Universiti Teknologi Malaysia,  
81310 UTM Johor,  
Johor Darul Takzim

### **Penerbitan**

T07, Akademi Tamadun Islam  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)  
Universiti Teknologi Malaysia,  
81310 UTM Johor,


Johor Darul Takzim

## KANDUNGAN

<b>1</b>	<b>Permasalahan Ibadah Haji dan Umrah dalam Kalangan Transgender</b> <i>Nur Izzah Isa, Nurul Aini A Kadir, &amp; Ahmad Muhyuddin Hassan</i>	<b>01-06</b>
<b>2</b>	<b>Pelaksanaan Kod Etika Tempat Kerja</b> <i>Muhammad Abu Naim Ziatol Ihazair &amp; Diaya Ud-Deen Deab Mahmoud al-Zitawi</i>	<b>07-18</b>
<b>3</b>	<b>Fake News on Social Media during Covid-19 Crisis</b> <i>Mohd Haniff Mohamed Din, Nurulain Nadhirah Kamal, &amp; Akmaliza Abdullah</i>	<b>19-30</b>
<b>4</b>	<b>Peranan Etika Islam Mencegah Penipuan dalam Korporat</b> <i>Mohd Rizal Jasman, Aimi Wafa Ahmad, &amp; Kamarul Azmi Jasmi</i>	<b>31-42</b>
<b>5</b>	<b>Model Kepercayaan Etika Perniagaan Islam dan Analisis Rangkaian Sosial</b> <i>Mohd Rizal Jasman &amp; Kamarul Azmi Jasmi</i>	<b>43-54</b>
<b>6</b>	<b>Trust Model Etika Perniagaan Islam dan Analisis Rangkaian Sosial</b> <i>Muhammad Yusof Hakimi Kanafiah, Muhammad Abu Naim Ziatol Ihazair &amp; Kamarul Azmi Jasmi</i>	<b>55-66</b>
<b>7</b>	<b>Peranan Etika Pemasaran Islam Terhadap Kepuasan Pelanggan</b> <i>Aimi Wafa Ahmad &amp; Kamarul Azmi Jasmi</i>	<b>67-72</b>
<b>8</b>	<b>Jual Beli atas Talian (E-Dagang) Menurut Perspektif Islam dan Moden</b> <i>Ahmad Muzakkir Rohaizat, Nur Hidayah Idris, &amp; Ajmain Safar</i>	<b>73-78</b>
<b>9</b>	<b>Prinsip Etika Islam dalam Komoditi Kontrak Derivatif</b> <i>Muhammad Yusof Hakimi Kanafiah &amp; Kamarul Azmi Jasmi</i>	<b>79-90</b>
<b>10</b>	<b>Analisis Penggunaan Bitcoin Sebagai Mata Wang dalam Perspektif Islam</b> <i>Wan Noor Hisbyam Wan Zainal Ala, Muhamad Zhafri Irfan Ibrahim, &amp; Ahmad Muhyiddin Hassan</i>	<b>91-100</b>
<b>11</b>	<b>Acceptance and Attitudes Towards the LGBT</b> <i>Fauzan Fahmi Mohamad Nora'eni, Siti Nur Syamimi Mohd Na'im, Nur'afini Dzulkifli, Norsahrina Wakidan, &amp; Ahmad Marzuki Mohamad</i>	<b>101-120</b>
<b>12</b>	<b>The Ethics of Social Media Technology from the Islamic Perspectives</b> <i>Siti Hajar Mansor, Azlina Narawi, &amp; Kawthar Bayoumi</i>	<b>121-132</b>
<b>13</b>	<b>China VS USA Trade War: Challenges</b> <i>Imannina Zaidy &amp; Tan Li Xian</i>	<b>133-144</b>



## PRAKATA



*Al-Hamdulillah* bersyukur kami kehadiran Allah SWT yang mencurahkan ilmu kepada umat manusia agar mereka dapat hidup makmur di permukaan alam ini. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW, ahli keluarganya, dan para sahabatnya.

Kami munajat kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya kami dapat menyudahkan penyusunan Prosiding Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan dengan tema "*Etika Islam untuk Kehidupan yang Gemilang.*"

Pada asasnya Seminar ini diadakan sebagai memenuhi keperluan kursus Falsafah Sains dan Ketamadunan dalam bentuk kerja kursus berkumpulan. Terdapat 13 tajuk kertas kerja yang ditulis dan dibentangkan oleh para pelajar yang dibantu oleh Pensyarah merangkap penyelia kertas kerja untuk tatapan umum dalam seminar ini. Keseluruhan tajuk dalam seminar ini ialah:

- (1) Permasalahan Ibadah Haji dan Umrah dalam Kalangan Transgender
- (2) Pelaksanaan Kod Etika Tempat Kerja
- (3) Fake News on Social Media during Covid-19 Crisis
- (4) Peranan Etika Islam Mencegah Penipuan dalam Korporat
- (5) Model Kepercayaan Etika Perniagaan Islam dan Analisis Rangkaian Sosial
- (6) Trust Model Etika Perniagaan Islam dan Analisis Rangkaian Sosial
- (7) Peranan Etika Pemasaran Islam Terhadap Kepuasan Pelanggan
- (8) Jual Beli atas Talian (E-Dagang) Menurut Perspektif Islam dan Moden
- (9) Prinsip Etika Islam dalam Komoditi Kontrak Derivatif
- (10) Analisis Penggunaan Bitcoin Sebagai Mata Wang dalam Perspektif Islam
- (11) Acceptance and Attitudes Towards the LGBT
- (12) The Ethics of Social Media Technology from the Islamic Perspectives
- (13) China VS USA Trade War: Challenges

Berdasarkan kepada tajuk seminar yang ditulis dan dibentangkan oleh para pelajar dan editor, seminar kali ini menyingkap secara mendalam tentang aspek etika Islam tentang kehidupan yang cemerlang dalam Islam yang dilihat menurut perspektif ajaran Islam dan kesannya kepada individu, keluarga, masyarakat, dan negara. Bermula daripada persoalan ibadat, pekerjaan, perniagaan, dan sosial hinggalah kepada persoalan krisis antara negara.

Prosiding seminar ini diharap dapat menjadi medan penting kepada para pelajar untuk melatih mereka menulis tulisan separuh akademik dalam satu skop tajuk yang berkaitan dengan pelbagai kod etika kehidupan menurut perspektif Islam dan manfaatnya kepada kesejahteraan umat manusia sejagat. Selain itu, himpunan kertas kerja ini pula diharapkan mampu memberi input kepada semua para pelajar tentang kod etika kehidupan menurut Islam sehingga mereka memahami kod etika kehidupan menurut Islam ini dalam bentuk kajian yang dihasilkan oleh berkat daya usaha mereka sendiri. Akhirnya, tulisan mereka ini

dapat dikongsikan kepada masyarakat awam dalam bentuk tulisan yang mempunyai nilai akademik untuk dimanfaatkan pula oleh masyarakat Malaysia.

Kamarul Azmi Jasmi  
Ahmad Muhyuddin Hassan  
Wan Hassan Wan Embong  
2020